

PRAKTIS NOVEL: JALAN KE PUNCAK (TINGKATAN 2)

Berdasarkan novel yang anda kaji ,nyatakan tema novel tersebut.

- (a) nyatakan **tema** novel tersebut;
- (b) jelaskan **tiga persoalan** berserta contoh peristiwa yang terdapat novel tersebut.

Tema dalam novel Jalan Ke Puncak yang saya kaji ialah kesungguhan dan kegigihan seorang anak muda yang (1)_____ universiti bercita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya.Laiman tidak memilih bidang berkaitan dengan kelulusannya untuk membina kerjaya, sebaliknya dia memilih untuk (2)_____ projek ternakan ikan air tawar,ternakan udang harimau,tanaman tembikai,pengusaha kedai makan dan menjadi(3)_____ yang berjaya,Pada tahap awal,cita-citanya ditentang oleh bapanya sendiri,dan (4)_____ oleh orang kampung.

Namun begitu,bapa dan orang-orang kampung (5)_____ selepas projek-projeknya (6)_____ hasil kejayaan.Ternakan ikan air tawarnya (7)_____ jabatan pertanian sebagai projek contoh di tempatnya, malah mungkin akan menjadi projek ternakan ikan terbesar di negerinya.

Tiga persoalan ialah kasih sayang dalam keluarga.Contohnya,bapa,nenek ,dan abang Laiman amat (8)_____ Laiman. Laiman juga menyayangi mereka.Sepupu Laiman,iaitu Milan juga menyayangi Laiman dan sanggup menjadi pembantu setia dalam setiap projek yang (9)_____ Laiman.

Kepentingan pelajaran dalam kehidupan. Contohnya, Laiman menamatkan pengajaran dalam (10)_____. Walaupun dia tidak memilih kerjaya dalam bidang kejuruteraan, namun dia (11)_____ ilmu tersebut.

(12)_____ untuk keluarga. Contohnya, nenek dan abang Laiman berkorban untuk Laiman. Nenek Laiman (13)_____ wang simpanan yang banyak untuk pengajian Laiman, dan abangnya pula masih tidak (14)_____ lagi kerana duitnya sering diberikan kepada Laiman untuk (15)_____ pengajian Laiman.

mencintai	diiktiraf oleh	menyayangi	pemborong
berkelulusan	membiayai	Pengorbanan	menampakkan
berkahwin	dusahakan oleh	mengeluarkan	menyokongnya
dipersenda	bidang kejuruteraan	melaksanakan	